

30/07/1997

Nilai ringgit terus meningkat

RINGGIT terus naik berbanding dolar Amerika semalam berikutan lanjutan pengambilan untung yang dicetuskan oleh amaran yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

Ringgit ditutup pada 2.6210/40 bagi seunit dolar Amerika berbanding 2.6385/15 kelmarin.

Peniaga berkata permainan spekulasi nampaknya menyederhana bila Dr Mahathir mengancam mengambil tindakan balas terhadap spekulator yang disifatkannya sebagai penyangak.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, turut membidas spekulator dan berkata Malaysia berpendapat bahawa sebarang spekulasi dalam ringgit dan mata wang lain tidak dapat diterima.

Seorang peniaga berkata kenyataan itu meningkatkan lagi kegiatan pengambilan untung ke atas dolar yang memihak kepada kenaikan ringgit.

Ringgit juga ditutup kukuh berbanding dollar Singapura kepada 1.7915/48 daripada 1.7949/82, berbanding 100 yen Jepun kepada 2.2282/26 daripada 2.2522/58, berbanding mark Jerman kepada 1.4277/97 daripada 1.4307/27 dan pound sterling kepada 4.2738/13 daripada 4.3675/51.

Di pasaran wang, Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Klibor) bagi wang sebulan kukuh kepada 8.56 peratus manakala wang tiga bulan naik kepada 8.49 peratus daripada 8.37 peratus kelmarin. - Bernama

(END)